



# MARANG MEGANG

**MARANG  
MEGANG**

1

MARANG MEGANG ialah War Cry PPD Marang yang membawa makna mengungguli, mendepani, berprestasi tinggi, mantap, konsisten, menjadi pemimpin perubahan, terbilang dalam semua aspek dan memiliki ciri-ciri sang juara.

2

Warna merah menggambarkan keberanian, kegigihan, semangat waja, tangkas bertindak , bijak membuat keputusan dan pantas membuat penambahbaikan berterusan ke arah keterbilangan.

3

Gengaman tangan kanan yang kemas dan kuat merupakan simbolik kepada kekuatan, ilitzam, istiqamah dan jerih perih perjuangan pendidikan di daerah Marang sejak zaman-berzaman yang penuh dengan cabaran dan rintangan.

4

MARANG TERBILANG merupakan Slogan PPD Marang.

5

Lima cengkaman akar yang kukuh menunjangi lima tonggak keterbilangan iaitu Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pengetua dan Guru Besar (PGB), Guru, Murid dan Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS), Tonggak-tonggak ini disepaduan dalam ikatan pemuaifikatan yang harmoni ke arah merealisasikan Kemenjadian Murid secara holistik dan berimpak tinggi.

6

Dua M merujuk kepada MARANG MEGANG dan MARANG TERBILANG. Aura kesepadan antara teori, amali dan refleksi MARANG MEGANG MARANG TERBILANG bergerak sederap dalam arus perdana yang bergelombang dan berliku namun seluruh warganya senantiasa sabar dan siap siaga mengharungi apa-apa sahaja ujian yang mendatang.

7

Latar biru muda menggambarkan pendidikan yang berkesan lazimnya bermula pada usia yang masih muda atau sejak zaman kanak-kanak lagi. Juga membawa makna kesederhanaan adalah kesempurnaan dan ketenangan.

8

Warna Ungu menunjukkan kebijaksanaan, pengaruh, kekuatan spiritual, beraspirasi, berfikiran futuristik dan membawa perasaan damai serta saling memahami.

9

Model sfera adalah simbol kesejagatian yang membawa maksud mentarbiyah murid ke arah menjadi "murid bertaraf dunia" dan memiliki sahsiah mithali tidak pernah ada penghujungnya. Murid bertaraf dunia akan hanya terhasil menerusi PPD, PGB dan Guru yang berprestasi tinggi dan berfikiran global.

10

Kesepadan, kekentalan dan kelestarian kesemua tonggak utama akan menyemarakkan kualiti sekolah dan kualiti kemenjadian murid dalam mewarnai pembangunan negara ke arah menjadi negara maju berperadaban tinggi.



# MARANG MEGANG



## MULTITASKING

Berkebolehan untuk bertindak dan melaksanakan berbilang tugas



## E - LEARNING

Pembelajaran berdasarkan sumber dan media elektronik yang mengikut peredaran masa.



## GOOD GOVERNANCE

Kepimpinan dan pengurusan organisasi yang baik.



## ACTIVE LISTENER

Amalan sebagai pendengar yang baik dan aktif.



## NETWORKING AND LINKAGES

Memperkasakan jalinan dan jaringan strategik.



## GLOBAL THINKING

Berfikiran global dan di luar kotak.